

Headline	Bidang pengajian berkaitan ASEAN bakal diperluas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Oct 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	355 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 7,016	PR Value	RM 21,049



# Bidang pengajian berkaitan ASEAN bakal diperluas

Oleh **ISWAN SHAFIQ MAT ISA**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA TERENGGANU 29 OKT.**

**B**IDANG pengajian berkaitan rantau Asia Tenggara dan pertumbuhan ASEAN dijangka diperluas ke lebih banyak institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara, tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Pengarah Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, Kementerian Luar, Jolie Samuel berkata, langkah itu akan membolehkan lebih ramai belia khususnya mahasiswa memahami dengan jelas dan mendalam berhubung fungsi dan peranan ASEAN serta apa yang boleh dimanfaatkan daripada pertumbuhan itu.

Ketika ini katanya, hanya beberapa buah universiti termasuk Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang menawarkan kursus tersebut dan pihak kementerian sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa universiti lain untuk tujuan yang sama.

“Dalam hal ini, kita harap semua pihak termasuk pengu-

rusan IPT, sektor swasta dan sebagainya dapat bekerjasama. Apatah lagi mulai tahun depan, Malaysia akan menjadi Pengerusi ASEAN dan tahun depan juga satu komuniti ASEAN akan direalisasikan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Sambutan Hari ASEAN ke-47 anjuran bersama Jabatan Penerangan dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT), di sini hari ini.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah Penerangan, Datuk Ibrahim Abdul Rahman; Dekan Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan UMT, Prof. Datuk Dr. Aziz Deraman serta wakil Jabatan Penerangan negeri, Mustaffa Abd. Kadir.

Sambutan yang berlangsung selama dua hari itu diserikan dengan pelbagai aktiviti termasuk forum berkaitan ASEAN, kuiz ASEAN, pameran serta persembahan pentas.

Turut diadakan ialah pertandingan pengucapan awam yang disertai oleh 18 peserta dari beberapa buah IPT di negeri ini.

Dianjurkan buat tahun yang kelima, sambutan itu bermula pada 2010 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebelum dianjurkan di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) pada 2011 dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) serta Universiti Utara Malaysia (UUM) masing-masing pada 2012 dan 2013.

Dalam pada itu, Ibrahim menggesa siswazah merebut peluang pekerjaan menerusi pasaran terbuka di ASEAN yang meliputi lebih 600 juta penduduk.

Beliau berkata, dengan adanya sistem pasaran kerja terbuka di ASEAN, mana-mana siswazah yang berkelayakan tidak perlu risau tentang peluang pekerjaan sebaliknya perlu merebut kesempatan termasuk bekerja di negara serantau.

“Syarikat-syarikat di Malaysia juga sepatutnya mengambil peluang ini untuk mengembangkan sayap perniagaan mereka termasuk membuka operasi di luar negara khususnya di negara ASEAN menerusi sistem ini,” katanya.

Headline	Bidang pengajian berkaitan ASEAN bakal diperluas		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Oct 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Full Color
Page No	18	ArticleSize	355 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 7,016	PR Value	RM 21,049



**PARA** pemenang Pertandingan Pengucapan Awam 2014 sempena Sambutan Hari ASEAN Ke-47 bersama Jolie Samuel (tiga dari kanan) di UMT, Kuala Terengganu, semalam.